

**UNTUK SIARAN SEGERA**

---

## **Keuntungan 9B Pertama Tahun Terkini Sime Darby Property Berganda**

- Syarikat telah melepasasasaran jualan tahun ini dengan pencapaian jualan sebanyak RM2.7 bilion sehingga kini;
- Momentum jualan yang padu sebanyak RM808.3 juta pada Q3 TK2022 meneguhkan daya tahan prestasi Syarikat;
- Semua segmen perniagaan mendaftar jumlah pendapatan dan PBT YoY yang lebih tinggi di 9B TK2022.

**ARA DAMANSARA, 29 NOVEMBER 2022** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) telah melepasasasaran jualan TK2022 berjumlah RM2.6 bilion dengan catatan rekod jualan sebanyak RM2.7 bilion pada sembilan bulan berakhir 30 September 2022 (“9B TK2022”). Pencapaian ini menandakan peningkatan jualan sebanyak 43% tahun-ke-tahun (“YoY”) berbanding RM1.9 bilion yang dicapai dalam tempoh yang sama tahun lalu. Syarikat telah mencatatkan pendapatan dan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM1.8 bilion dan RM323.1 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak 21% dan 90% YoY. Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) juga melonjak melebihi 100% YoY kepada RM212.7 juta.

Peningkatan jumlah pendapatan Syarikat sebanyak 12% kepada RM689.3 juta suku-ke-suku (“QoQ”) telah didorong oleh kemajuan segmen Pembangunan Hartanah (*Property Development*) yang mendaftar kenaikan pendapatan sebanyak 13% kepada RM640.6 juta ekoran pencapaian pelan pengurusan bank tanah (*land bank*) dan kewangan yang kukuh. Untung kasar Syarikat juga meningkat sebanyak 8% QoQ kepada RM207.5 juta hasil kecemerlangan segmen-segmen Pelaburan & Pengurusan Aset (*Investment & Asset Management*) dan *Leisure*.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato' Azmir Merican berkata kemampuan Syarikat untuk mengekalkan momentum penjualan yang tinggi sejak awal tahun sehingga Q3 TK2022 menyarankan potensi pencapaian pendapatannya menuju penghujung tahun kewangan.

“Meskipun menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan di pasaran, Syarikat telah berjaya menjana prestasi yang amat memberangsangkan setakat ini. Pelancaran produk-produk kediaman kami menerima sambutan yang tinggi termasuk ‘Serenia Anira 3’ di Bandar Serenia yang mencapai kadar pembelian sebanyak 80%,” kata Dato’ Azmir.

Ujarnya lagi: “Kilang-kilang berkembar (*semi-detached factories*) dan kilang-kilang sesebuah (*detached factories*) kami di Elmina Business Park juga mencatat kadar pembelian sebanyak 100%, menunjukkan keupayaan Syarikat untuk memenuhi kepentingan perniagaan pelbagai skala dengan segala kemudahan merangkumi kilang-kilang siap dibina (*ready-built*) serta produk-produk perindustrian terbina-untuk-disewa (*built-to-lease*) yang boleh disesuaikan mengikut keperluan perniagaan masing-masing.”

Sepanjang 9B TK2022, Sime Darby Property telah melancarkan produk-produk dengan Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value / “GDV”*) sebanyak RM2.1 bilion merangkumi produk-produk perumahan dan perindustrian dengan kadar 44% dan 55% daripada jumlah GDV yang dilancarkan serta kadar pembelian purata sebanyak 90%.

### **9B TK2022 vs 9B TK2021**

Diterajui oleh prestasi jualan dan kemajuan pembinaan yang kukuh di perbandaran-perbandaran utamanya, segmen Pembangunan Hartanah menyumbang dengan peningkatan pendapatan dan PBT sebanyak 19% dan 72% kepada RM1.6 bilion dan RM270.3 juta. Pendapatan dan PBT segmen Pelaburan & Pengurusan Aset juga meningkat sebanyak 26% dan 48% kepada RM79.3 juta dan RM42.1 juta. Pencapaian ini didorong oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada KL East Mall yang mencatat kadar penghunian sebanyak 79% berbanding 71%, serta prestasi baik Melawati Mall yang mencatat jumlah pengunjung yang lebih tinggi dalam tempoh ini. Pendapatan segmen *Leisure* meningkat sebanyak 66% kepada RM62.8 juta, dengan pencapaian PBT melebihi 100% kepada RM10.7 juta.

### **Pencapaian Jualan dan Jualan Belum Dibil**

Berasaskan pemahaman pasaran yang mendalam melalui kempen-kempen pemasaran yang intensif seperti kempen perindustrian ‘*We’re the Go-To Experts*’ yang dilancarkan pada bulan Jun, Syarikat dapat memasarkan produk-produk yang tepat dengan titik harga yang bersesuaian. Jualan produk-produk perindustrian Syarikat telah menyumbang sebanyak 19%

kepada jumlah nilai jualan berbanding 16% dalam tempoh yang sama tahun lepas. Pencapaian ini didorong oleh pelancaran produk-produk perindustrian pada Q3 TK2022 yang merangkumi 65% daripada jumlah GDV yang dilancarkan di Elmina Business Park di Selangor, Hamilton Nilai City di Negeri Sembilan, dan Bandar Universiti Pagoh di Johor.

Tempahan semasa Sime Darby Property setakat 6 November 2022 bernilai sebanyak RM2.1 bilion manakala jumlah baki stok siap dibina Syarikat juga menurun ke tahap rendah yang baru kepada RM273.4 juta setakat 30 September 2022. Jualan belum dibil Syarikat juga meningkat sebanyak 5.4% QoQ kepada RM3.5 bilion setakat 30 September 2022, menandakan peningkatan sebanyak 70% YoY dalam tempoh yang sama tahun lepas dan memastikan keterlihatan pendapatan yang sihat untuk masa akan datang,

### **Prospek Untuk TK2022**

Sime Darby Property menjangkakan lebih banyak pelancaran produk-produk perumahan dan perindustrian pada Q4 TK2022, susulan pelancaran produk-produk kediaman bertingkat tinggi di Putra Heights, Selangor dan Taman Melawati, Kuala Lumpur. Berlandaskan pengaktifan bank tanah dan pelancaran produk-produk baru, Syarikat kekal utuh dengan nilai tunai sebanyak RM876.2 juta serta nisbah hutang bersih pada kadar 28.2% setakat 30 September 2022.

Berikutan projek transformasi selama lapan tahun, Battersea Power Station kini sudah dibuka kepada orang ramai dengan kadar penghunian sebanyak 90% untuk ruang komersil, dan telah pun menyambut lebih 250,000 pengunjung sepanjang *opening weekend* di bulan Oktober. Penghuni serta orang ramai boleh mengunjungi bangunan ikonik ini dan menikmati lebih dari 100 kedai, restoran, tapak riadah dan pelbagai lagi. Dalam masa yang sama, Koa at Electric Boulevard yang merupakan koleksi 204 unit apartmen juga telah dilancarkan merangkumi sebahagian daripada konsep bertemakan perumahan 15-minit untuk '*live, work and play*'.

"Prestasi kewangan dan operasi Sime Darby Property kekal utuh walaupun Syarikat berdepan dengan pasaran yang mencabar serta ketidakpastian ekonomi. Pencapaian kami membuktikan bahawa Syarikat berada di landasan yang tepat dengan strategi-strategi, pembangunan produk-produk serta tawaran-tawaran yang memberangsangkan. Syarikat akan sentiasa memastikan pendekatan berdisiplin untuk menyempurnakan tahun kewangan ini dengan pulangan yang lumayan bagi pihak berkepentingan kami," kata Dato' Azmir.

Setakat Q3 TK2022, Sime Darby Property telah merekodkan kadar penyerapan dan penyimpanan karbon sebanyak 13,017 tan, menanam sebanyak 24,560 tanaman yang disenaraikan sebagai spesis-spesis Hampir Pupus, Jarang dan Terancam (*Endangered, Rare, and Threatened*), serta membina 5,560 rumah berasaskan konsep cekap tenaga (*energy efficient homes*). Sebagai peneraju pembangunan yang mampan, Syarikat berpegang teguh dengan visinya iaitu *Advancing Real Estate as a Force for Collective Progress, in Harmony with the Planet's Resources*.

“Sime Darby Property akan kekal berusaha untuk mencapai Tujuannya bagi menjadi *Value Multiplier for People, Businesses, Economies, and the Planet*,” kata Dato’ Azmir.

- TAMAT SIARAN -

#### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah ‘The Edge Malaysia’s Top Property Developers Awards’. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai ‘EdgeProp Malaysia’s Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021’, serta pemenang bagi anugerah ‘Building Trust Awards 2021’ PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

**Kontak Media:** Sharmila Nair | +6012-617 7860 | [sharmila.nair@simedarbyproperty.com](mailto:sharmila.nair@simedarbyproperty.com)

**Untuk pertanyaan lanjut, sila emel:** [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)